



**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS**

**PENGGAL KEDUA**

**MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN)**

---

**SHAH ALAM, 07 APRIL 2014 ( ISNIN )**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**YANG HADIR**

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)  
**(Tuan Speaker)**

Y.A.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim  
P.S.M., S.P.M.S., D.S.A.P. (Pelabuhan Klang)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

Y.B. Dato' Teng Chang Khim D.P.M.S.  
(Sungai Pinang)

Y.B. Tuan Iskandar Bin Abdul Samad (Chempaka)

Y.B. Puan Hajah Rodziah Binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Sallehen Bin Mukhyi (Sabak)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Puan Dr. Halimah Binti Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/I Veraman (Kota Alam Shah)

Y.B. Puan Dr. Daroyah Binti Alwi (Sementa)

Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi (Sijangkang)

Y.B. Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad (Seri Setia)  
**(Timbalan Speaker Dewan Negeri)**

Y.B. Tuan Mohamed Azmin Bin Ali (Bukit Antarabangsa)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Dr. Abd Rani Bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Dr. Yaakob Bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/I Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Haniza Binti Mohamed Talha (Taman Medan)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi Bin Haji Shafiei (Sri Muda)

Y.B. Tuan Amirudin Bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Khasim Bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Hasbullah Bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Puan Noor Hanim Binti Ismail (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin Bin Haji Hassan (Tanjung Sepat)

Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)

Y.B. Tuan Razaly Bin Hassan (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Tan Pok Shyong (Pandamaran)

Y.B. Tuan Zaidy Bin Abdul Talib (Taman Templer)

Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)

Y.B. Tuan Mohd Shafie Bin Ngah (Bangi)

Y.B. Dato' Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail, D.P.P.N. (Kajang)

Y.B. Tuan Hasnul Bin Baharuddin (Morib)

Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Teluk Datuk)

Y.B. Tuan Rajiv A/I Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)

Y.B. Dato' Mohd. Shamsudin Bin Lias  
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)

Y.B. Dato' Haji Amiruddin Bin Setro  
D.P.M.S., A.S.A. (Jeram)

Y.B. Datuk Abdul Shukur Bin Haji Idrus  
PMW., PGDK., K.M.N., S.I.S., A.S.D.K. (Kuang)

Y.B. Datuk Haji Johan Bin Abd Aziz  
D.M.S.M., A.M.S., J.P. (Semenyih)

Y.B. Tuan Sulaiman Bin Abdul Razak  
S.M.S., K.M.N., P.P.N. (Permatang)

Y.B. Datuk Rosni Binti Sohar  
D.M.S.M., P.J.K. (Hulu Bernam)

Y.B. Tuan Jakiran Bin Jacomah  
A.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Bukit Melawati)

Y.B. Puan Halimaton Saadiah Binti Bohan  
A.M.N., A.M.S., P.J.K. (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Kamarol Zaki Bin Haji Abdul Malik P.J.K.  
(Sungai Air Tawar)

Y.B. Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)

Y.B. Tuan Mat Nadzari Bin Ahmad Dahlan (Batang Kali)

Y.B. Tuan Shahrum Bin Mohd Sharif (Dengkil)

### **TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Haji Mohammed Khusrin Bin Haji Munawi DSIS., ASA., PPT.  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Haji Nik Suhaimi Bin Nik Sulaiman DIMP., ASA  
**Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Noordin Bin Sulaiman, DPMS., SIS.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

## **PEGAWAI BERTUGAS**

Puan Elya Marini Binti Darmin, AMS  
**Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)**

Encik Mohd Khairul Ashraff Bin Radzali  
**Ketua Penolong Setiausaha**

Puan Noor Diana Binti Razali  
**Penolong Setiausaha**

Puan Diana Binti Shuwardi  
**Penolong Setiausaha**

Encik Zawawi Bin Mohd. Arif  
**Penolong Setiausaha**

Puan Siti Salina Binti Muftar  
**Setiausaha Pejabat**

### **Bentara**

Encik Mohd. Hafizan bin Yusoff

Puan Noor Syazwani Binti Abd Hamid  
Puan Hajah Noridah Binti Abdullah  
**Pelapor Perbahasan**

**(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat )**

**SETIAUSAHA DEWAN:** *Bismillahi Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat bagi Mesyuarat Pertama (Pembukaan) Penggal Kedua Dewan Negeri Selangor Ketiga belas pada 07 April 2014 dimulakan dengan bacaan Doa.

**I. DOA**

**II. PROKLAMASI**

OLEH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ IBNI AL-MARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ, D.K., D.M.N., D.K. (Terengganu), D.K. (Kelantan), D.K. (Perak), D.K. (Perlis), D.K. (Negeri Sembilan), D.K. (Kedah), D.K. (Johor), S.P.M.S., S.S.I.S., S.P.M.J., dengan kurnia Allah, Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Selangor Darul Ehsan serta segala daerah takluknya.

BAHAWASANYA Fasal (1) Perkara LXX Bahagian Kedua, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor, 1959, memperuntukkan bahawa DULI YANG MAHA MULIA SULTAN hendaklah dari semasa ke semasa melalui Proklamasi yang disiarkan dalam *Warta* memanggil Dewan Negeri :

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, BETA, SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ IBNI AL-MARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ, D.K., D.M.N., D.K. (Terengganu), D.K. (Kelantan), D.K. (Perak), D.K. (Perlis), D.K. (Negeri Sembilan), D.K. (Kedah), D.K. (Johor), S.P.M.S., S.S.I.S., S.P.M.J., dengan kurnia Allah, Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Selangor Darul Ehsan serta segala daerah takluknya, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada BETA di bawah Perkara LXX Bahagian Kedua, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor, 1959, dengan ini memanggil Dewan Negeri untuk bermesyuarat dan menetapkan 07 April hingga 11 April 2014 dan 14 April hingga 18 April 2014 dan pukul 10.00 pagi kecuali hari Jumaat pukul 9.30 pagi, sebagai tarikh dan waktu bagi Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan Yang Ketiga Belas yang akan diadakan di Dewan Negeri Selangor, Shah Alam.

DIPERBUAT di Istana Alam Shah, Klang pada 27 hari bulan Februari 2014.

[ DUN. Sel. 30287/12 Jld 12 ]

Dengan Titah Perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor,

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya ialah upacara mengangkat sumpah dan menandatangani Surat Sumpah oleh Ahli Dewan Negeri Kawasan Kajang yang baru dilantik.

Saya mempersilakan Dato' Seri Wan Azizah Binti Wan Ismail, Ahli Dewan Negeri Kawasan Kajang tampil ke hadapan untuk mengangkat sumpah dan menandatangani Surat Sumpah.

**[ SETELAH SELESAI MENANDATANGANI SURAT SUMPAH ]**

**Y.B. TUAN SPEAKER:** Ahli –ahli Yang Berhormat sekalian, Dif-dif Kehormat dan para jemputan, Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya, Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Oleh itu saya menempohkan Dewan buat seketika.

**( Dewan ditangguhkan seketika )**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Keberangkatan masuk Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dengan diiringi oleh Y.B. Tuan Speaker.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Dengan segala hormatnya dijemput Dato' Menteri Besar Selangor untuk mempersembahkan Titah Ucapan Diraja kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

**Y.B. TUAN SPEAKER:** Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

**III. TITAH UCAPAN DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SELANGOR**

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Bismillahirrahmanirrahim.*

Alhamdulillah, dengan izin Allah Yang Maha Berkuasa lagi Maha Pengasih, pada pagi yang berbahagia ini, Beta dapat berangkat ke Majlis Perasmian Pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Sidang Dewan Negeri Selangor Kali Ke-13.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, beta percaya Memanda Dato' Menteri Besar akan membentangkan hal-hal kewangan negeri dan program-program pembangunan yang sudah dirancang dan akan dilaksanakan pada tahun ini supaya dapat dibincangkan oleh kesemua Ahli Yang Berhormat dalam Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Sidang Dewan Negeri Selangor ini.

Beta berharap semua wakil-wakil rakyat Negeri Selangor dapat hadir pada setiap sesi sidang bangun berhujah dengan memberi cadangan dan pendapat yang bernas demi kebaikan rakyat Beta di setiap kampung, mukim, daerah dan di seluruh Negeri Selangor Darul Ehsan yang kita kasihi.

Perlu diingat bahawa antara tugas Kerajaan Negeri sekarang bukan sahaja untuk mengekalkan kedudukan Selangor sebagai negeri metropolitan termaju di Malaysia,

tetapi juga menjadikan Selangor sebagai antara negeri yang paling selesa dan selamat dikunjungi dan diduduki.

Beta sebagai Sultan dan Pemerintah negeri ini sejak 22 November 2001 berhak memberi pandangan dan nasihat kepada Dato' Menteri Besar pada bila-bila masa atau semasa Memanda Dato' Menteri Besar menghadap Beta setiap minggu bagi mempersembahkan ehwal negeri dan rakyat Selangor.

Beta diberi maklum, menerusi Program Khas Mesra Rakyat, pasukan Dato' Menteri Besar telah "turun padang" menemui ketua-ketua jabatan dan kakitangan awam di setiap daerah untuk melihat dan mendengar segala permasalahan pentadbiran dan kesulitan dan berusaha mengatasi dengan cepat dan menyeluruh.

Beta gembira setelah diberitahu oleh Dato' Menteri Besar bahawa nilai pelaburan ke negeri Selangor sepanjang tahun 2013 terus meningkat, iaitu berjumlah Ringgit Malaysia Sembilan Perpuluhan Lapan Bilion (RM9.8 bilion), dengan bilangan projek sebanyak Dua Ratus Dua Puluh Lapan (228) dan menyediakan lebih Dua Ratus Ribu (200,000) peluang pekerjaan dalam pelbagai sektor.

Beta juga diberi maklum, anggaran perbelanjaan keseluruhan negeri Selangor bagi tahun 2014 adalah sebanyak Ringgit Malaysia Dua Perpuluhan Dua Lapan Bilion (RM2.28 bilion). Jumlah ini meliputi Perbelanjaan Mengurus sebanyak Ringgit Malaysia Satu Ribu Dua Ratus Dua Puluh Lima Juta (RM1,225.0 juta) Lima Puluh Tiga Perpuluhan Tujuh Peratus (53.7%) dan Perbelanjaan Pembangunan keseluruhan sebanyak Ringgit Malaysia Satu Ribu Dua Puluh Lima Juta (RM1,025.0 juta) Empat Puluh Enam Perpuluhan Tiga Peratus (46.3%) di mana Ringgit Malaysia Enam Ratus Dua Puluh Lima Juta (RM625 juta) di bawah peruntukkan belanjawan asal dan Ringgit Malaysia Empat Ratus Tiga Puluh Juta (RM430 juta) daripada rizab negeri. Walau bagaimanapun, cadangan peruntukan Tambahan yang dipohon bagi sidang Dewan ini kelak adalah sebanyak Ringgit Malaysia Empat Ratus Sembilan Puluh Empat Perpuluhan Satu Sembilan Juta (RM494.19 juta) di mana Ringgit Malaysia Tiga Ratus Empat Puluh Lima Perpuluhan Satu Kosong Juta (RM345.10 juta) datangnya daripada rizab negeri.

Peningkatan jumlah ini merupakan perkembangan positif bila mana sejumlah wang yang besar diperuntukkan bagi memenuhi agenda dan dasar Kerajaan Negeri meliputi program-program tertentu yang secara langsung memberi kesan positif kepada rakyat Negeri Selangor khususnya. Kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Selangor sehingga 7 Mac 2014 adalah sangat memberangsangkan dengan Kumpulan Wang Disatukan berjumlah sebanyak Ringgit Malaysia Dua Ribu Sembilan Ratus Empat Puluh Lapan Perpuluhan Sembilan Tujuh Juta (RM,948.97 juta)



Bagi tahun 2014, Beta dimaklumkan, momentum ekonomi negeri Selangor dijangka tidak banyak berubah berbanding tahun 2013 dengan unjuran pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri/Negara Kasar (KDNK) pada kadar Enam Perpuluhan Satu Peratus (6.1% berbanding KDNK Malaysia bagi tahun 2014 yang diunjurkan berkembang di antara Empat Perpuluhan Lima Peratus (4.5%) hingga Lima Perpuluhan Lima Peratus (5.5%). Beta gembira kerana Negeri Selangor kekal sebagai penyumbang utama terhadap KDNK Malaysia, iaitu sebanyak Dua Puluh Tiga Perpuluhan Lima Peratus (23.5%).

Maka Beta menitahkan kepada semua Ahli Yang Berhormat dan Ketua-ketua Jabatan serta seluruh penjawat awam dan sektor swasta juga supaya mengikuti perkembangan ekonomi dunia kerana ia mempengaruhi kedudukan ekonomi negeri Selangor khususnya. Antaranya, ekonomi dunia dianggarkan oleh Tabung Kewangan Antarabangsa telah berkembang sederhana pada kadar Tiga Peratus (3.0%) pada tahun 2013. Bagaimanapun, ekonomi global dijangka tumbuh lebih pantas pada tahun 2014 pada kadar Tiga Perpuluhan Tujuh Peratus (3.7%).

Hal ini disokong oleh pengukuhan ekonomi berterusan di negara-negara maju terutamanya Amerika Syarikat Dua Perpuluhan Lapan Peratus (2.8%) dan Jepun Satu Perpuluhan Tujuh Peratus (1.7%). Tanda-tanda pemulihan ekonomi juga kelihatan wujud di negara-negara Kesatuan Eropah sebanyak Satu Peratus (1.0%) yang dijangka banyak membantu memperteguh pertumbuhan ekonomi negara membangun secara keseluruhan.

Bagi mencapai pertumbuhan ekonomi yang dianjurkan untuk tahun 2014, hasrat Kerajaan Negeri mahu mengamalkan disiplin fiskal yang tegas dalam pengurusan kewangan dengan memastikan perancangan dan perbelanjaan dibuat secara berhemat dan berintegriti serta menerapkan konsep nilai wang (*value for money*) harus dipuji.

Kerajaan Negeri telah menubuhkan Jawatankuasa Khas bagi memantau perbelanjaan Jabatan atau Agensi supaya sentiasa mematuhi tatacara penggunaan dan perbelanjaan dana yang sudah dipersetujui. Usaha ini jelas membuktikan Kerajaan Beta sekarang bersungguh-sungguh melaksanakan prinsip telus dan berhemah.

Kelebihan belanja berhemah yang diamalkan secara menyeluruh ini, membolehkan Kerajaan Beta membentangkan belanjawan berimbang selama enam tahun berturut-turut bahkan tiak perlu meminjam daripada Kerajaan Pusat untuk menampung perbelanjaan mentadbir urus Negeri Selangor.

Secara keseluruhannya, pembangunan ekonomi Negeri Selangor yang memberangsangkan terutamanya menerusi Sektor Perkhidmatan telah menyumbang Lima Puluh Enam Perpuluhan Empat Peratus (56.4% kepada KDNK

Selangor. Sektor Perkhidmatan dijangka terus menjadi pemacu ekonomi Selangor dengan berkaitan perdagangan serta pengukuhan kemasukan pelaburan, teknologi dan tenaga profesional bagi meningkatkan sumbangan kepada KDNK negeri.

Pembangunan ekonomi Selangor juga digerakkan oleh Sektor Pembuatan mewakili Tiga Puluh Tujuh Persepuluh Empat Peratus (37.4%) KDNK negeri: diikuti Sektor Pembinaan sebanyak Empat Persepuluh Lima Peratus (4.5%); Sektor Pertanian sebanyak Satu Persepuluh Enam Peratus (1.6%) dan sektor Perlombongan dan Kuari sebanyak Kosong Persepuluh Satu Peratus (0.1%).

Beta sedar, perlunya diteruskan kerjasama erat antara ketua-ketua jabatan dan agensi berserta seluruh kakitangan bagi menjayakan semua perancangan yang ditetapkan oleh Kerajaan Beta. Maka Beta menyeru kepada semua penjawat awam supaya bersama menerapkan amalan sikap berbelanja secara berhemah. Semua pekerja dalam sektor awam mahupun dalam sektor swasta perlu sentiasa menunjukkan sikap rajin bekerja untuk menepati indeks prestasi (KPI) yang ditetapkan bagi faedah diri, organisasi dan negeri seluruhnya.

Barisan pimpinan Kerajaan di peringkat negeri, daerah, mukim, kampung dan bagan hendaklah berusaha dengan jujur dan tekun bagi menjayakan pelbagai program dan aktiviti yang dirancang. Beta yakin, dengan iltizam, perancangan, perkongsian kerja dan tindakan serta permuafakatan yang erat akan mencapai kecemerlangan, insya-Allah sega usaha kita dipermudah dan diberkati Allah.

Kerajaan Negeri terus berusaha gigih membantu rakyat beta menghadapi keperitan hidup disebabkan harga barang dan perkhidmatan yang terus meningkat. Beta mendapat laporan bahawa kesemua tujuh belas (17) program dan skim bantuan kepada rakyat Beta yang berpendapatan rendah dan sederhana, menerusi agenda "Merakyatkan Ekonomi Selangor" yang dilaksanakan secara berperingkat sejak Jun 2008 terbukti telah berjaya memenuhi matlamatnya.

Kerajaan Negeri juga mahu menambahkan lagi program kebajikan di samping menambah peruntukan kepada beberapa program yang terdahulu, sebagai usaha meneruskan kecemerlangan bagi kesejahteraan rakyat Selangor dari usia bayi hingga usia emas, tanpa mengira perbezaan kaum, agama mahupun fahaman politik.

Beta berkenan dengan program baharu Merakyatkan Ekonomi Selangor iaitu melatih anak-anak muda lepasan Sijil Pelajaran Malaysia termasuk mereka yang tidak berminat melanjutkan pelajaran ke menara gading untuk mendapat kepakaran teknikal melalui program pemerksaan desa. Adalah difahamkan di peringkat permulaan ini, lima orang belia di setiap kampung bakal dilibatkan dalam kursus-kursus Elektrik, Sistem Penyaman udara dan Perbidanan. Beta memberi sokongan penuh terhadap usaha Kerajaan untuk membantu golongan belia ini agar

mempunyai kemahiran dan mempersiapkan diri untuk menghadapi masa hadapan yang lebih terjamin.

Usaha kerajaan bagi membantu para ibu tunggal untuk berdikari dengan memberi pinjaman tanpa faedah kepada mereka turut diberikan juga kepada golongan belia, dan penduduk asal untuk menceburi bidang perniagaan dikampung-kampung dan bandar-bandar menerusi Skim Kredit Selangor (SkimSel) dan Skim Miskin Bandar (Mimbar). Beta gembira kerana difahamkan bahawa semakin ramai rakyat Beta kini menyertai bidang perniagaan dengan mendapat bantuan menerusi dua skim pinjaman ini.

Kerajaan Negeri telah berjaya mendapat persetujuan Kerajaan Pusat untuk mengambil alih empat syarikat air di Selangor dengan termeterainya Memorandum Persefahaman Antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri pada 26 Februari 2014. Usaha ini tentulah menguntungkan rakyat Selangor yang bukan sahaja akan terus mendapat air percuma 20 meter padu setiap bulan malah akan memastikan mendapat bekalan air yang berterusan dengan kadar tarif yang munasabah.

Pentadbiran di bawah Memanda Beta Dato' Menteri Besar dengan kerjasama Unit Pembangunan Ekonomi Negeri telah mengadakan program pecah tanah pada 15 Mac 2014 yang lalu bagi meneroka satu projek baharu untuk menambah sumber air di negeri Beta. Projek ini menggunakan kaedah penakungan *stormwater* dan air bawah tanah (*underground water*) dari dialir terus ke Lembangan Sungai Selangor yang dikenali sebagai Projek *Hybrid Off River Augmentation System* (HORAS 600), iaitu gabungan di antara *Off River Storage* (ORS) dengan *Horizontal Collector Well*, yang terletak di Kampung Sungai Darah, Bestari Jaya Kuala Selangor. Projek ini merupakan projek perintis yang pernah dilaksanakan di Malaysia.

Projek HORAS 600 ini adalah permulaan kepada pembangunan sumber air mentah an berupaya mengeluarkan sebanyak 600 juta liter air mentah sehari. Dengan yang demikian HORAS akan mengurangkan risiko yang hanya bergantung pada lepasan air empangan. Kaedah penakungan ini juga akan mendapat mengelakkan pembaziran air yang dianugerahkan oleh *Allah subhanahu wataala*.

Projek bernilai Ringgit Malaysia Empat Ratus Lima Juta (RM405) ini akan dibiayai sebahagiannya hasil keuntungan penjualan pasir di tapak projek tersebut yang Enam Puluh Peratus (60%) muka buminya diliputi pasir. Beta difahamkan apabila selesai keseluruhan projek HORAS ini, Selangor bakal menikmati bekalan air mentah sebanyak Tiga Ribu (3,000) hingga Lima Ribu (5,000) juta liter sehari. Justeru, negeri Beta bakal berdiri teguh kerana air merupakan isu sejagat lantas membuat persiapan bagi memastikan keperluan air terjamin sehingga 5-6 dekad akan datang. Ini merupakan satu wawasan berpandangan jauh yang wajar diraikan.

Beta juga bersyukur kerana pembinaan Jambatan Ketiga Klang telah bermula dan berharap dapat disiapkan mengikut jadual agar mampu mengurangi kesesakan lalu lintas dua hala di pusat bandar Klang sekarang. Beta beri maklum, sebanyak Ringgit Malaysia Seratus Juta (RM100 juta) dari rizab negeri sudah diperuntukkan dalam Belanjawan 2014 untuk membiayai kos permulaan bagi pembinaan Jambatan tersebut. Jambatan ini direka khas dengan mempunyai enam lorong yang merentas Sungai Klang sepanjang Lima Ratus meter (500 meter) dan melibatkan kos sebanyak Ringgit Malaysia Tiga Ratus Juta (RM300 Juta). Kesemua kos ini adalah menggunakan wang Kerajaan Negeri Selangor. Beta ucapkan terima kasih kepada memanda Dato' Menteri Besar.

Memanda Beta Dato' Menteri Besar telah berjaya membuat Pelancaran dan Pecah Tanah Projek Rumah Selangorku di Ukay Indah, Sungai Sering, Mukim Hulu Kelang Daerah Gombak bagi menyediakan lebih banyak jenis rumah yang mampu dimiliki khusus bagi memenuhi keperluan dan permintaan rakyat yang berpendapatan isi rumah di antara Ringgit Malaysia Tiga Ribu (RM3,000.00) hingga Ringgit Malaysia Lapan Ribu (RM8,000.00) sebulan.

Beta difahamkan ini adalah hasil perancangan dan kerjasama di antara Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) dan Menteri Besar Incorporated (MBI) di atas tanah berkeluasan Enam Puluh Lapan Perpuhan Dua Empat (68,24) ekar.

Projek ini mengguna pakai kaedah pembinaan secara *Industrial Building System (Pre-Fabricated – IBS)* atau pasang siap bagi mempercepat tempoh pembinaan berbanding kaedah konvensional.

Kerajaan Selangor memperuntukkan Ringgit Malaysia Seratus Juta (RM100 juta) menggunakan rizab tunai negeri bagi melaksanakan projek ini sebagaimana dinyatakan dalam Belanjawan 2014. Peruntukan tersebut adalah sebagai Dana Pusingan bagi membina lebih banyak rumah mampu milik kepada rakyat Selangor.

Di sini Beta berharap kestabilan pentadbiran dalam Kerajaan sekarang dapat memberi tumpuan pada kebajikan rakyat negeri ini yang berjumlah lebih Lima Perpuhan Lima Juta (5.5 juta) orang. Oleh itu, Beta mahu Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, wakil-wakil rakyat, penjawat awam, para penghulu dan ketua kampung, pimpinan masyarakat dan belia, juga sektor korporat dan swasta supaya bekerja bersama Dato' Menteri Besar Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Ibrahim untuk melaksanakan dasar-dasar program-program pembangunan bagi meningkatkan kualiti hidup rakyat dan memacu pembangunan Negeri Selangor.

Beta berharap Dewan Negeri Selangor ini akan berfungsi dengan baik dan sempurna. Semua Ahli-ahli Dewan Negeri hendaklah memastikan perjalanan mesyuarat berjalan dengan teratur, mengikut peraturan semasa perbincangan, dan berhemah serta mempunyai tatasusila yang baik sebagai Wakil Rakyat.

Wakil-wakil rakyat janganlah bercanggah dan berbalah mengenai perkara yang tidak berfaedah, sebaliknya hendaklah menjalankan tugas-tugas mereka untuk kebaikan serta kesejahteraan rakyat dan Negeri Selangor.

Pada hemat Beta adalah tidak wajar sekiranya terdapat mana-mana Wakil Rakyat ataupun kakitangan awam, yang cuba merosakkan perjalanan pentadbiran Kerajaan Selangor yang berusaha gigih membantu meringankan kos sara hidup rakyat pelbagai lapisan menerusi pelbagai program di bawah agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor.

Sebelum Beta mengakhiri titah ucapan ini, Beta ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan perasaan terharu Beta terhadap kehilangan Pesawat MH 370 yang mana kita telah dimaklumkan bahawa pesawat tersebut telah mengakhiri penerbangannya di Lautan Hindi. Walaupun pada masa sekarang usaha-usaha mencari pesawat tersebut masih dijalankan, Beta turut merasa sedih dan simpati terhadap keluarga penumpang dan krew Pesawat MH 370 tersebut. Beta mendoakan supaya pencarian ini akan mendapat jawapan yang pasti dan memuaskan hati semua pihak, terutama kepada mereka yang sedang tertunggu-tunggu. Beta percaya pihak Kerajaan Malaysia akan terus menjalankan usaha untuk Mencari jawapan yang tepat kepada tragedi yang berlaku ini. Beta berharap mereka akan bersabar dan redha menghadapi dugaan dan ketentuan yang telah terjadi ini.

Beta berdoa ke hadrat *Allah Subhanahu Wata'ala* agar mempermudah segala urusan kita dengan keredaan dan keberkatannya.

Sekianlah sahaja titah ucapan Beta sempena Perasmian Pembukaan Sidang Dewan Negeri Selangor kali ini. Dengan ini, Beta mengucapkan Selamat bersidang kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian.

*Wabilahitaufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

### [ Setelah selesai Titah Ucapan Diraja ]

### III. PENANGGUHAN

**TUAN SPEAKER:** Demikian tadi Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Patik bagi pihak Ahli-ahli Dewan Negeri Selangor sekalian menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Dengan ini saya menangguhkan Dewan ini sehingga hari Isnin, 01 Julai 2013, jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

### IV. BACAAN DOA OLEH SAHIBUS SAMAAH DATO' SERI UTAMA DIRAJA MUFTI SELANGOR

**SETIAUSAHA DEWAN :** Dengan hormatnya dipersilakan Sahibus Samahah Dato' Seri Utama Diraja Mufti Selangor diiringi Al-Fadhil Imam Paduka Tuan dan Imam Masjid Negeri Selangor untuk membacakan doa sempena sempurnanya Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor merasmikan Istiadat Pembukaan Mesyuarat Kedua Penggal Kedua Dewan Negeri Selangor Yang Ketiga Belas.

**( Bacaan doa oleh Sahibus Samahah Dato' Seri Utama Diraja Mufti Selangor )**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor meninggalkan Dewan Mesyuarat.

Dengan segala hormatnya dijemput semua hadirin ke jamuan ringan yang disediakan di Dewan Jamuan, Bangunan Annex. Sekian, terima kasih.

**( Dewan ditangguhkan pada jam 11.15 pagi )**